



Headline: Penjawat awam rugi hampir rm30 000 ditipu Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)

Section: Citra Utusan

Date: 28 January 2019

Page: 4

Penjawat awam rugi hampir RM3,000 ditipu 'Macau Scam' **Muka B4**

Penjawat awam rugi hampir RM30,000 ditipu 'Macau Scam'

KUCHING: Bermula dengan dakwaan memiliki saman tertunggak, seorang penjawat awam akhirnya terpaksa menanggung kerugian mencecah RM30,000.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Sarawak Superintenden Mustafa Kamal Gani berkata, wanita berusia 28 tahun itu melaporkan kejadian berlaku pada Jumaat lepas apabila dia dihubungi individu yang memperkenalkan diri sebagai anggota polis.

Menurutnya, mangsa didakwa terlibat kes langgar lari yang berlaku di Kelantan pada 22 Januari lepas dan perkara tersebut bagaimanapun disangkal oleh mangsa sebelum dia diberitahu kemungkinan MyKadnya digunakan tanpa kebenarannya.

"Mangsa kemudian dirujuk kepada seorang lagi pegawai polis yang kemudian memaklumkan mangsa dalam siasatan polis kerana disyaki terlibat kegiatan jenayah (dadah) yang membolehkannya dijatuhkan hukuman gantung sampai mati jika disabitkan kesalahan.

"Takut mendengar perkara tersebut menyebabkan mangsa kemudian bersetuju untuk menyelesaikan perkara tersebut dengan budi bicara seorang lagi pegawai polis yang kononnya mempunyai kuasa membatalkan waran tangkap ke atas mangsa," katanya dalam satu kenyataan, pada Sabtu.

Difahamkan, mangsa ditawarkan oleh pegawai polis terbabit untuk menyelesaikan kes tersebut dengan bayaran RM42,000.

"Mangsa bagaimanapun memberitahu pegawai terbabit bahawa dia tidak mempunyai wang sebanyak itu dan bersetuju untuk membayar RM30,000 pendahuluan dan membayar bakinya kemudian.

"Sebanyak RM29,997 wang tunai dari akaunnya telah dipindahkan ke dalam satu akaun bank seperti yang diarahkan oleh pegawai polis terbabit pada hari yang sama," katanya.

Selang beberapa jam kemudian baharu mangsa menyedari dirinya telah ditipu dan terus membuat laporan polis berhubung kejadian.

Mustafa turut meminta supaya masyarakat sentiasa berhati-hati sekiranya menerima panggilan yang mungkin daripada ahli sindiket penipuan 'Macau Scam.'